

Analisis Terhadap Hadis Berkaitan Wanita dalam *Baḥr al-Mādhī*: Meneliti Konsep Emansipasi Wanita

[Analysis of Hadith Related to Women in *Baḥr al-Mādhī*: Examining the Concept of Women Emancipation]

Nur Saadah Hamisan@Khair,^{1*} Nor Aniza Mad Azeri¹

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

* Corresponding Author: Dr. Nur Saadah Hamisan@Khair. 1 Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), N. Sembilan. E-mail: saadahkhair@usim.edu.my. ORCID ID: <https://orcid.org/0000-0003-3821-762X>.

Keywords:

Hadith; Emancipation;
 Malay Scholar; Women.

ABSTRACT

Baḥr al-Mādhī can be considered as one of the masterpieces of Malay Islamic manuscript written by Sheikh al-Marbawi (1896-1989) which was published in the early of 20th century. The hadith contained in this book covers various aspects including issues related to women. The study of women is still relevant to be discussed until today, not to mention that it has been debated for centuries through the jawi scriptures whether directly or indirectly. Therefore, this study aims to analyze the hadiths related to women contained in Baḥr al-Mādhī as well as examine the author's interpretation of the related hadiths. This study also examines the concept of women's emancipation through the Prophet's hadith because history has recorded that the arrival of Islam brought positive changes in defending women's rights. As a qualitative study, the methods applied are thematic analysis and content analysis to collect data and to analyze hadiths related to women. In Baḥr al-Mādhī, al-Marbawi has gathered 2783 hadiths that discuss various issues and problems, but this study only focuses on 30 hadiths related to women by looking at the status of hadiths and essence of the their contents based on the selected themes. The results of the study found that the author has contributed in empowering and supporting women's rights either subtly or clearly by making Islam, faith, and courtesy as the basis of human development.

Kata Kunci:

Hadis; Emansipasi; Ulama Melayu; Wanita.

ABSTRAK

Baḥr al-Mādhī boleh dianggap sebagai salah satu karya agung Melayu Islam yang ditulis oleh Syeikh al-Marbawi (1896-1989) dan telah diterbitkan pada awal abad ke-20. Hadis yang terkandung dalam kitab ini merangkumi pelbagai aspek termasuklah isu yang berkaitan dengan wanita. Kajian mengenai wanita masih relevan untuk dibincangkan sehingga kini, apatah lagi ia telah dibahaskan berkun lamanya melalui kitab jawi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hadis-hadis berkaitan wanita yang terkandung di dalam Baḥr al-Mādhī serta mengkaji interpretasi penulis terhadap hadis-hadis tersebut. Kajian ini juga meneliti konsep emansipasi wanita melalui hadis Nabawi kerana sejarah telah mencatatkan bahawa kedatangan Islam membawa perubahan yang positif dalam

mempertahankan hak-hak wanita. Sebagai kajian kualitatif, metode yang digunakan adalah tematik analisis dan analisis kandungan bagi mengumpulkan data serta menganalisis hadis berkaitan wanita. Dalam *Bahr al-Mādhī*, al-Marbawi telah mensyarahkan 2783 hadis yang membincangkan pelbagai isu dan masalah, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada 30 hadis berkaitan wanita dengan melihat semula status dan intipati kandungan hadis berdasarkan tema yang terpilih. Hasil kajian menemukan bahawa penulis memberi sumbangan dalam memperkasa dan menyokong hak-hak wanita sama ada secara halus mahupun jelas dengan menjadikan Islam, iman, dan ihsan sebagai asas pembangunan insan.

Received: Mac 2, 2023

Accepted: April 2, 2023

Online Published: June 30, 2023

1. Pendahuluan

Kitab yang bertajuk *Bahr al-Mādhī* adalah sebuah karya yang ditulis pada tahun 1924 sehingga tahun 1957 yang mengambil masa selama 33 tahun untuk diterbitkan. Ia ditulis oleh Syeikh Idris al-Marbawi (1893 – 1989) yang merupakan seorang tokoh ulama di nusantara pada abad ke-20 dan mempunyai sumbangan yang besar dalam bidang penulisan. Al-Marbawi telah mewariskan pelbagai idea dan gagasan pemikiran yang tidak ternilai dan sangat berharga melalui penulisannya yang multidisiplin dan merangkumi ilmu seperti bidang tafsir, bidang yang berkaitan dengan kamus dan ensiklopedia, bidang hadis, tauhid, fiqh dan tasawuf.

Nama penuh diberi adalah Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari, dan berasal dari Kuala Kangsar, Perak. Tetapi al-Marbawi dilahirkan di Mekah pada 28 Zulkaedah 1313H bersamaan 1893M dan membesar di tanah suci Mekah. Sejak kecil al-Marbawi dididik dengan ilmu agama dan telah berjaya menghafaz al-Quran di samping beberapa buah kitab lain pada usia 10 tahun (Faisal Ahmad Shah, 2010). Pada tahun 1913, al-Marbawi pulang ke tanah air bersama keluarganya dan meneruskan pendidikan pertama di Sekolah Melayu Lubuk Merbau, Perak.

Seterusnya, al-Marbawi melanjutkan pengajian peringkat menengah ke beberapa buah pondok pengajian seperti Pondok Syeikh Wan Muhammad di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Pondok Tuan Hussain al-Mas'udi di Kedah, Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Bukit Mertajam dan Pondok Tok Kenali di Kelantan. Setelah menamatkan pengajian di peringkat menengah, al-Marbawi bertugas sebagai guru agama di Perak sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pada tahun 1924, al-Marbawi telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Kesungguhan dan iltizam beliau dalam menuntut ilmu di sana telah membuahkan hasil apabila beliau antara pelajar yang terawal menerima Shahadah 'Aliyah dari universiti terkenal itu dalam bidang pengajian Islam itu. Ketika berada di sana, beliau menuntut ilmu daripada para ulama yang tersohor antara mereka ialah Syeikh Muhammad Ibrahim al-Samaluti, Syeikh Mahmud Ghunaym, Syeikh Muhammad Batith, Syeikh Muhammad Ali al-Maliki dan sebagainya.

Semasa berada di Mesir, al-Marbawi mula menyedari tentang kepentingan pendidikan terhadap anak bangsa di Tanah Melayu. Sehubungan itu, beliau mula bergiat aktif menghasilkan penulisan bagi anak bangsa di Tanah Melayu. Contohnya, beliau menulis kitab *Bahr al-Mādhī* pada tahun 1924. Di samping itu, beliau menyusun kamus Arab/Melayu atau lebih dikenali *Kamus Idris al-Marbawi* yang diterbitkan pada tahun 1937. Pada 13 Oktober 1989, al-Marbawi menghembuskan nafas terakhir di Rumah Sakit Besar Ipoh Perak ketika berumur 93 tahun (Faisal Ahmad Shah, 2011).

Kewibawaan al-Marbawi terserlah dengan penghasilan *Bahr al-Mādhī* yang merupakan antara kitab terjemahan hadis terawal di Tanah Melayu dan diterbitkan dalam 22 jilid. Tidak dinafikan bahawa ia menjadi rujukan di sekitar Nusantara dan dikaji oleh ramai penyelidik di dalam dan luar negara. Kitab lain yang berkaitan hadis ditulis oleh al-Marbawi adalah *Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim* dan *Kitab Bulugh al-Maram* serta *Terjemah Melayu*. al-Marbawi juga menulis banyak kitab lain dalam bidang yang pelbagai.

2. Pengenalan Terhadap Kitab dan Isi Kandungan

Tajuk lengkap kitab seperti dinyatakan oleh al-Marbawi adalah *Baḥr al-Mādhī: Li Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, kitab *Baḥr al-Mādhī* ialah sebuah kitab syarah kepada *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Penamaan kitab ini menunjukkan kebijaksanaan dan kemahiran penggunaan al-Marbawi dalam bidang bahasa Arab. Perkataan *Baḥr al-Mādhī* terdiri daripada dua perkataan: *Baḥr* yang bermaksud lautan dan *Mādhī* yang menunjukkan sejenis madu putih dalam bahasa Arab. Apabila digabungkan kedua-dua perkataan ini, ia diterjemahkan sebagai 'lautan madu' iaitu metafora yang bertujuan menyatakan manfaat yang penting dan keluasan ilmu yang terkandung di dalam kitab itu seolah-olah lautan madu, memberi keinginan kepada orang yang dahaga dan menyihatkan kesihatan luaran dan dalaman (M. Mustaqim, 2003).

Karya terjemahan kitab *Baḥr al-Mādhī* adalah antara karya terjemahan yang terawal di Tanah Melayu dan menjadi perintis kepada karya-karya terjemahan yang wujud sekarang (Muhd Norazam Nordin et al., 2018). Kitab ini juga adalah sumbangan yang besar al-Marbawi kepada penduduk di Tanah Melayu. Al-Marbawi menterjemahkan hadis-hadis yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* karya Imam al-Tirmidhi (209H-279H) ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan masyarakat Melayu memahami agama Islam dengan lebih baik khususnya dalam memahami suruhan yang terkandung dalam hadis-hadis Nabi Muhammad SAW.

Faktor yang mendorong penulis untuk mengarang *Baḥr al-Mādhī* ini ialah untuk menyebarkan hadis Nabi Muhammad SAW kepada masyarakat bukan Arab khususnya orang Melayu supaya mereka dapat memahami dan mengamalkannya. Selain itu, faktor kedua ialah sebagai seorang ulama, penulis juga berasa ia adalah sebahagian daripada kewajipan sosial dan agama untuk berdakwah dan mendidik saudara seIslam. Beliau berkata: "...ialah semata-mata ikhlas hatiku bagi wajah Allah kerana mensiarkan hadis Rasulullah dan meninggikan kalimah Allah kepada segala saudaraku yang tiada tahu di dalam bahasa Arab dan dipohonkan pada Allah kiranya manfaat bagi umu umat Muhammad SAW dan harapkan jadi pertaruhan di sisi Allah bagi hari akhirat. Dan kiranya tiadalah ia hujah ke atasku di sana." (*Baḥr al-Mādhī*, jilid 1: hlm. 3)

Keindahan kitab ini apabila penulis menggunakan tulisan jawi klasik dan gaya bahasa yang disampaikan adalah campuran dialek bahasa Melayu dan wilayah terutamanya dari Perak, Kedah dan Kelantan. Selain itu, penulis juga mengekalkan beberapa perkataan bahasa Arab seperti '*mukhtar*', '*ṣinā'ah*', '*satah*', dan '*sirr*'. Hal ini bertujuan memujuk pembaca secara tidak langsung dalam mempelajari kosa kata Arab dan ia juga sebagai tanda komitmen dan kehebatan al-Marbawi terhadap bahasa Arab.

Kitab ini telah mensyarahkan 2783 hadis dan membincangkan lapan ribu 8278 isu yang menyentuh pelbagai masalah dan persoalan yang berkaitan dengan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW. Secara keseluruhannya, kitab ini terdiri daripada 22 jilid yang diterbitkan di dalam 11 buah kitab. Al-Marbawi tidak mempunyai metod yang khusus untuk menyusun isi kandungan kitab kerana ia tidak disusun mengikut hadis yang khusus bagi setiap jilid. Setiap jilid mempunyai bilangan halaman, hadis dan isu yang berbeza, dan al-Marbawi meletakkan senarai masalah bagi memudahkan pembaca merujuk kepada hadis dan masalah yang tertentu.

Di dalam karya ini dinyatakan bahawa al-Marbawi memulakan penulisan pada tahun 1924 kerana terpukau dengan kuliah-kuliah guru-gurunya di Universiti al-Azhar, khususnya kuliah-kuliah hadis yang disampaikan seorang ulama hadis tersohor di Universiti al-Azhar dan juga seorang guru di masjid Hussain di Mesir iaitu Syekh Muhammad Ibrahim al-Samaluti (Idris Marbawi., n.d). Dalam tempoh inilah beliau mula menulis *Baḥr al-Mādhī* berdasarkan nota kuliah dan ulasan guru beliau. Ia mengambil masa yang lama iaitu 33 tahun dan karya ini selesai ditulis pada tahun 1957.

Berdasarkan kesungguhan penulisan kitab ini, maka usaha dalam mengkaji dengan lebih mendalam tentang *Baḥr al-Mādhī* wajar dilakukan. Salah satu bentuk usaha adalah melihat bagaimana penulis menghuraikan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan dengan isu wanita. Hal ini adalah kerana teks agama berkaitan wanita sering menjadi kritikan golongan feminis yang berpandangan bahawa teks agama menyokong kepada misogini dan menyekat hak kebebasan wanita (Nur Saadah, 2019). Bagi mengelakkan argumen ini menjadi lebih parah, isu wanita perlu diperhalusi dengan lebih baik kerana Islam adalah sebuah agama yang memelihara hak-hak wanita, dan sumber Islam adalah dengan merujuk kepada al-Quran dan juga hadis Nabi Muhammad SAW.

3. Metodologi Kajian

Kitab *Baḥr al-Mādhī* yang dirujuk dalam kajian ini adalah terbitan Dar al-Fikr di Beirut. Mengenai tarikh penerbitan kitab ini pula, agar sukar mendapatkan tarikh yang tepat kerana setiap bahagian yang diterbitkan

berdasarkan penulisan yang disiapkan oleh al-Marbawi. Contohnya, lima jilid pertama *Baḥr al-Mādhī* telah diterbitkan seawal tahun 1935, manakala jilid terakhir, iaitu jilid 22, diterbitkan pada Mac 1960. Sejak itu, kitab ini telah dicetak semula beberapa kali tanpa sebarang tambahan ataupun pembetulan. Justeru, cetakan yang dirujuk dalam kajian tidak menyatakan tarikh penerbitan.

Metodologi yang digunakan dalam mengkaji hadis berkaitan wanita dalam *Baḥr al-Mādhī* adalah kaedah tematik analisis dengan mengeluarkan perkataan yang boleh dikaitkan dengan wanita. Tematik analisis merupakan suatu kaedah yang digunakan dalam kajian kualitatif untuk menganalisis data dengan tujuan untuk mengenal pasti pola atau menemukan tema tertentu melalui data yang telah dikumpulkan (Braun & Clarke, 2006; Heriyanto: 2018). Antara contoh perkataan yang dicari melalui pembacaan secara manual adalah seperti: ‘perempuan’, ‘isteri’, ‘anak perempuan’, dan lain-lain termasuk tatabahasa nahu sama ada dalam matan asal hadis (bahasa Arab) dan juga terjemahan hadis (bahasa Melayu). Ia juga termasuk nama-nama para isteri Nabi SAW dan sahabiyat.

Hasil yang diperolehi daripada carian mengumpulkan sejumlah hadis-hadis yang berkaitan wanita akan dikumpulkan dan dianalisis dengan melihat status hadis tersebut terlebih dahulu. Status hadis berkaitan wanita ditemui dalam pelbagai status, dan sebahagiannya dikaji semula dengan merujuk kitab asal iaitu *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* dan kitab-kitab hadis yang lain. Selepas itu, kesemua hadis tersebut diklasifikasikan berdasarkan empat tema yang terpilih iaitu syari’at, akhlak, aspek sosial dan kisah wanita inspirasi. Melalui tema ini, hadis-hadis yang berkaitan wanita dibaca secara terperinci menggunakan metod analisis kandungan dan dikelaskan mengikut isu yang berkaitan wanita. Berdasarkan Krippendorff (2004), analisis kandungan atau lebih dikenali sebagai ‘*content analysis*’ merupakan satu teknik penyelidikan untuk membuat kesimpulan yang boleh ditiru dan sah daripada teks (atau perkara lain yang bermakna) kepada konteks penggunaannya. Dalam konteks kajian ini, hadis-hadis berkaitan wanita yang ditemui dalam *Baḥr al-Mādhī* dianalisis dengan melihat bagaimana kandungan hadis dan hubungannya dalam melaksanakan konsep emansipasi wanita yang menyokong para wanita untuk memperkasakan diri mereka ke arah yang lebih baik selagi mana tidak bertentangan dengan agama.

4. Dapatan Kajian

Dalam *Baḥr al-Mādhī*, terdapat hadis-hadis yang dibincangkan merujuk kepada pelbagai isu dan permasalahan seperti hal yang berkaitan dengan ibadat, muamalat, munakahat dan pelbagai isu lain. Namun begitu, kajian ini memfokuskan kepada hadis-hadis yang berkaitan wanita sahaja dan menganalisis kaedah yang digunakan al-Marbawi dalam menghuraikan hadis-hadis tersebut. Dapatan kajian adalah seperti yang berikut:

4.1 Kaedah Penulisan al-Marbawi

Dalam bab pengenalan kitab *Baḥr al-Mādhī*, al-Marbawi telah menjelaskan beberapa metodologi yang digunakan dalam penulisan kitab dan penyusunan hadis. Pertama, penulis tidak memberi ulasan tentang isnad hadis kerana kitab ini bertujuan meringkaskan kitab *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Seperti mana yang dijelaskan oleh al-Marbawi di awal kitab, “Ketahuilah kiranya ya saudaraku tiadalah aku terjemahkan kitab *Saḥīḥ Tirmidzi* itu pada sanadnya, bahkan telah aku tinggalkan bahasnya sama sekali kerana menuntut ringkas pada matannya.” (Jilid 1: hlm. 3). Ini menunjukkan bahawa al-Marbawi memberi fokus kepada isi kandungan hadis berbanding sanad.

Kedua, al-Marbawi menghuraikan tajuk dan bab setiap hadis berdasarkan susunan dalam *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, namun terdapat beberapa hadis yang diberi tambahan dan perubahan pada tempat yang tertentu. Susunan bagi tajuk dan bab bagi hadis dalam *Baḥr al-Mādhī* adalah sama seperti *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* kecuali di tempat tertentu yang disertakan dengan penjelasan.

Ketiga, terjemahan dan taksiran setiap hadis bermula dengan mengulas dahulu tajuk sebelum membincangkan kandungan hadis. Sebagai contoh, terdapat sebuah bab yang disebut sebagai *Bāb Mā Jā’a fī al-Muṭlaqah Thalāthan lā Suknā lahā wa lā Nafaqah*. Tajuk bab ini dihurai panjang oleh al-Marbawi, seperti berikut: “Bab: Yang telah datang ia pada menyatakan perempuan yang kena talak tiga tiada tempat tinggal dan tiada nafkah baginya (ketahuilah ya saudaraku) telah lalu masalah ini di dalam juzuk yang kedelapan pada masalah 208 dan 209 di sana, dan cukup keterangan hadis yang akan datang ini dengan panjangnya, tetapi oleh kerana Tirmidzi ini mendatangkan di sini maka diulang beri keterangan lagi atas jalan tidak berulang-ulang perkataan pada satu masalah hanya di sini lagi ditunjukkan khilaf antara ulama-ulama yang mujtahid. Maka

hadis ini telah dikeluarkan oleh Abu Isa Tirmizi dengan katanya (*عن الشعبي قال: قالت فاطمة بنت قيس: طلقني زوجي*) (Jilid 9: hlm. 15).

Keempat, perbincangan setiap hadis adalah berdasarkan kefahaman Imam al-Tirmidhi dan penulis menyokong melalui hujah dan dalil daripada Mazhab Syafi'i. Sebagai contoh, terdapat beberapa huraian yang merujuk kepada pandangan Imam al-Syafi'i melalui kitabnya *al-Umm*. Al-Marbawi menyebutkan: "Kata Syafi'i di dalam al-Umm pada bab suruhan mendirikan nikah – Maka pasti lazim bagi segala wali perempuan-perempuan yang bujang dan merdeka lagi baligh apabila berkehendak mereka itu akan nikah dan menyeru mereka itu kepada redha daripada bersuami bahawa dinikahkan mereka itu" (Jilid 2: hlm. 33).

Kelima, penulis meletakkan nombor pada setiap isu yang dibincangkan bagi memudahkan rujukan. Kata al-Marbawi: "Maka sebelum menyebutkan hadis aku terangkan sedikit maudu' (bicaranya) menurut sebagaimana kepala bab, kemudian aku turut dengan hadis yang akan jadi hujah dan dalil bagi Mazhab Syafie dan lainnya dengan menerangkan kehendak hadis dan kehendak (Abu Isa: pengarang Sahih al-Tirmizi) dan aku jadikan masail belaka bagi menyenangkan penuntutnya. Istimewa pula sekalian masalah itu ada berlainan maka ditaruh angka. Kerana terkadang satu masalah itu bertali mali dengan beberapa masalah yang lepas dan yang hadapan lagi. Maka jika sekiranya bertali mali dengan yang lepas maka aku jagakan dalamnya dengan kata (lihat masalah nombor sekalian) telah lepas. Dan jika bertali mali dengan masalah yang dihadapan lagi itupun dijagakan juga dengan kata (lihat masalah nombor sekalian) di hadapan." (Jilid 1: hlm. 3)

Melalui kaedah penulisan ini, kajian mendapati bahawa kupasan al-Marbawi bagi setiap hadis mudah difahami pembaca walaupun ditulis dalam sejumlah jilid yang besar iaitu 22 jilid.

4.2 Jumlah Hadis Berkaitan Wanita

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa hadis yang terkandung dalam *Bahr al-Mādhī* adalah sebanyak 2783 hadis. Setelah meneliti semua hadis yang disyarahkan, kajian mendapati bahawa terdapat tiga puluh (30) hadis yang berkaitan isu wanita sama ada tertumpu kepada individu, kumpulan mahupun umum kepada semua peringkat wanita. Setiap hadis yang ditulis oleh al-Marbawi telah dinyatakan sumber dan status hadis beserta tafsiran oleh penulis sendiri. Perawi bagi hadis-hadis tersebut diriwayatkan oleh perawi lelaki dan wanita, di mana dua puluh satu (21) hadis diriwayatkan oleh perawi lelaki, dan sembilan (9) hadis diriwayatkan oleh perawi wanita.


Hadis-hadis berkaitan wanita diperolehi melalui metode tematik analisis dengan mengeluarkan perkataan yang berkaitan wanita seperti: 'perempuan', 'isteri', 'anak perempuan', dan lain-lain termasuk tatabahasa nahu sama ada dalam matan asal hadis (bahasa Arab) dan juga terjemahan hadis (bahasa Melayu).

4.3 Status Hadis Berkaitan Wanita

Terdapat beberapa istilah berbeza yang telah digunakan al-Marbawi dalam mensyarahkan status hadis. Namun begitu, beliau tidak menilai sesuatu hadis mengikut pandangan beliau sendiri kerana kandungan kitab tersebut adalah terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada kitab asal yang ditulis oleh Imam al-Tirmidhi. Penerangan terhadap status hadis dijelaskan secara terperinci di awal kitabnya (Jilid 1: hlm. 3-5) bagi mengelakkan kekeliruan pembaca. Menurut al-Marbawi, "maksud Abu Isa berkata (*hasan*) itu ialah berkhabarkan hadis itu tiada ada pada sanadnya ditambahkan dengan bohong dan tiada *shādh*". Manakala, "*Ṣaḥīḥ* itu ialah barang yang berhubung sanadnya dengan '*udūl* lagi *ḍabitnya* dengan ketiadaan *shudhūdh* dan tiada '*illah*." Tambahan itu, "*gharīb* ialah menunjukkan bahawasanya tiada diriwayatkan hadis itu melainkan daripada jalan yang satu. Dan terkadang diriwayatkan dia daripada beberapa jalan maka *digharībkan* dia apabila datang ia daripada jalan yang menunggal daripada orang lain."

Walaupun demikian, disebabkan karya ini merupakan karya terjemahan, istilah yang digunakan oleh al-Marbawi adalah agak unik. Sekiranya sesuatu hadis itu *ṣaḥīḥ*, beliau menggunakan ayat seperti berikut: "Hadis ini *hasan* lagi *ṣaḥīḥ*." Ia sebagai penguat bahawa hadis tersebut tiada keraguan di dalamnya walaupun terdapat sedikit perbezaan di antara maksud '*hasan*' dan '*ṣaḥīḥ*.'


Daripada 30 hadis berkaitan wanita yang telah dianalisis, didapati bahawa status bagi hadis-hadis tersebut adalah berbeza. Majoriti hadis adalah *ṣaḥīḥ* iaitu sebanyak 22 hadis; empat (4) hadis *hasan*; dua (2) hadis *hasan gharīb*; satu (1) hadis *ḍa'if* (walaupun disebut sebagai *hasan ṣaḥīḥ*); dan satu (1) hadis yang tidak dinyatakan status (Rujuk Rajah 1). Setelah merujuk kepada kitab asal *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, hadis yang tidak dinyatakan status merupakan hadis *ḍa'if* yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud.



Rajah 1: Status Hadis Berkaitan Wanita dalam *Baḥr al-Mādhī*

5. Analisis dan Perbincangan

Melalui dapatan kajian yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini menganalisis 30 hadis yang berkaitan wanita di dalam *Baḥr al-Mādhī* dengan menggunakan kaedah tematik analisis. Tema yang bersesuaian telah dicerap bagi mencapai tujuan kajian yang berhasrat menghasilkan konsep emansipasi wanita berdasarkan hadis Nabawi dengan memfokuskan kepada hadis-hadis yang dikupas oleh al-Marbawi di dalam *Baḥr al-Mādhī*. Tema dihasilkan melalui analisis terhadap teks bagi semua 30 hadis berkaitan wanita. Tema-tema tersebut boleh dirujuk dalam Rajah 2 dan penjelasan bagi setiap tema dan hadis yang berkaitan adalah seperti di bawah:



Rajah 2: Tema bagi Emansipasi Wanita melalui hadis dalam *Baḥr al-Mādhī*

5.1 Emansipasi Wanita melalui Syariat Islam

Tidak dinafikan bahawa sebahagian besar hadis berkaitan wanita di dalam *Baḥr al-Mādhī* adalah melibatkan aspek syariah yang menjadi elemen utama dalam Islam. Syariah merangkumi hal-hal dan hukum yang berkaitan aspek ibadat, taharah, munakahat, muamalat, dan lain-lain sebagai mana yang digariskan dalam al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Berdasarkan teks analisis bagi hadis-hadis tersebut, majoriti hadis iaitu sebanyak lapan (8) hadis adalah berkaitan dengan munakahat yang mengandungi hukum perkahwinan seperti pernikahan, penceraian, kewajiban suami isteri dan lain-lain. Salah satu contoh hadis ialah “bahawasanya perempuan dinikahkan atas ugamanya dan hartanya dan kecantikkannya maka lazim dengan mempunyai ugama depa tangan engkau” (Jilid 8: hlm. 39). Menurut al-Marbawi, hadis ini diriwayatkan daripada ‘Auf bin Malik dan Aishah, dan ia adalah hadis hasan lagi sahih.

Selain itu, lima (5) hadis mengandungi hukum yang berkaitan wanita dan aspek ibadat seperti solat, puasa, haid dan lain-lain. Contohnya, al-Marbawi berkata, “Hadis ini menunjukkan harus bagi segala perempuan itu datang hadir sembahyang berjemaah ke masjid. Dan iaitu apabila tiada takut akan fitnah mereka itu seperti diagah atau diusik oleh laki-laki yang jahat dan kutu jananan atau seperti mendatangkan perkelahian laki isteri dengan ghaibnya dan jauhnya” (Jilid 2: hlm. 15). Hadis ini diriwayatkan oleh Aishah, dan ia berstatus sahih.

Terdapat tiga (3) hadis yang menyentuh aspek muamalat iaitu hukum yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya. Adapun ia juga meliputi bidang kemasyarakatan seperti pengurusan harta pusaka dan juga harta *ghanimah* (peperangan). Contohnya, al-Marbawi menterjemahkan seperti berikut, “Adakah ada Rasulullah berperang dengan perempuan-perempuan dan ada berperang ia dengan mereka itu maka mengubat mereka itu akan orang-orang sakit dan memberi mereka itu daripada *ghanimah* dan adapun dengan bahagian maka tiada membahagi ia bagi mereka itu dengan satu bahagian pun” (Jilid 11: hlm. 94). Menurut beliau, hadis ini hadis *ṣaḥīḥ*, dan ia adalah perkataan Sufian al-Thauri dan Shafi’i.

Dua (2) hadis pula adalah berkaitan *ṭahārah* iaitu membersihkan diri dari najis atau kotoran. Ia melibatkan aspek khusus yang dialami wanita iaitu haid. Contoh hadis ialah, “Bahawasanya seorang perempuan datang bertanya ia akan Nabi daripada hukum kain yang mengenai akan dia oleh darah haid. Maka sabda Rasulullah: *Ghisil* (basuh) akan dia dengan dua tangan kemudian kikis dan kuntit dengan hujung kuku dengan air kemudian diruskan air memberi cucinya dan sembahyanglah engkau padanya.” (Jilid 1: hlm. 207). Menurut al-Marbawi, hadis yang diriwayatkan oleh Asma’ pada membasuh darah itu ialah hadis *ḥasan* lagi *ṣaḥīḥ*.

Hadis-hadis yang melibatkan wanita dalam aspek ibadat, munakahat, muamalat, dan *ṭahārah* adalah bukti bahawa Islam merupakan agama yang syumul iaitu meliputi semua perbezaan dan lengkap buat semua tanpa prejudis terhadap golongan wanita. Malah, hadis yang dikhaskan kepada wanita sahaja adalah istimewa dengan menunjukkan bahawa kaum wanita tidak ditindas oleh agama Islam. Emansipasi wanita perlu merangkumi aspek yang pelbagai dalam membebaskan wanita daripada pelbagai bentuk diskriminasi, namun masih memelihara nilai-nilai agama dan budaya setempat.

5.2 Emansipasi Wanita melalui Akhlak

Di antara peranan penting Nabi Muhammad SAW digambarkan di dalam hadis berikut, “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak..” (Riwayat Ahmad: no. 8952). Ia menunjukkan kepentingan akhlak yang menjadi teras agar hubungan di antara sesama manusia kekal harmoni. Dalam *Baḥr al-Mādhī*, tujuh (7) hadis daripada hadis-hadis yang berkaitan wanita mengandungi aspek akhlak di mana al-Marbawi menegaskan tentang kewajipan suami berbuat baik kepada isteri dan seluruh wanita seperti ibu, anak-anak perempuan dan saudara perempuan dan sentiasa memberi nasihat yang baik kepada para wanita. Beliau juga menekankan hadis-hadis tentang isteri untuk menghormati suami dan memohon izin apabila hendak bersedekah dengan menggunakan harta suami, serta melayani suami dengan baik. Di dalam kitabnya, beliau menterjemahkan: “Ingat bahawasanya kewajipan bagi isteri-isteri itu atas sekalian kamu hai orang laki-laki iaitu bahawa berbuat baik sekalian kamu kepada mereka itu pada pakaian mereka itu dan makanan mereka itu” (Jilid 22: hlm. 100).

Oleh itu, hadis-hadis yang ditekankan oleh Nabi SAW membawa perubahan yang besar terutama dalam mengangkat martabat wanita serta memberi peluang kepada kaum wanita untuk mengamalkan agama

secara adil dan saksama. Ini adalah kerana Islam hanya membezakan seseorang insan melalui amalan dan ketakwaan, dan intipati ajaran Islam adalah untuk melahirkan manusia yang berakhlak mulia.

5.3 Emansipasi Wanita dalam Aspek Sosial

Menariknya, Islam tidak menyekat wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Terdapat dua (2) hadis di dalam *Baḥr al-Mādhī* yang menekankan peranan wanita sebagai saksi dalam perundangan dan juga sebagai pembantu dalam peperangan dengan menyediakan makanan dan rawatan perubatan. Menurut al-Marbawi, “Adalah Rasulullah berperang ia dengan membawa Ummu Salim (ibu Anas) dan sertanya beberapa perempuan daripada Ansar. Kerjanya di dalam peperangan itu memberi minum orang-orang dan mengubat orang-orang dan memasak dan menghantar orang yang sakit pulang ke kampung dan lainnya” (Jilid 11: hlm. 123).

Penglibatan wanita dalam aspek sosial membuka ruang kepada wanita untuk menyumbang ke arah pembangunan manusia bersama-sama kaum lelaki untuk kebaikan umat sejagat. Ini merupakan rahmat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dalam meraikan peranan wanita dalam pelbagai cabang sama ada peranan tersebut kecil mahupun besar. Hal ini juga memberi peluang kepada wanita untuk mengenal pasti bakat dan kemampuan diri mereka tanpa merendahkan antara satu sama lain. Keistimewaan dan perbezaan yang Tuhan ciptakan adalah untuk manusia saling memerlukan dan membantu sesama saudara tanpa membezakan lelaki mahupun wanita. Ini merupakan bentuk emansipasi wanita yang mampan yang tidak mementingkan sebelah pihak sahaja.

5.4 Emansipasi Wanita melalui Kisah Wanita Inspirasi

Kehidupan wanita pada masa kini perlu mengambil pengajaran yang baik daripada wanita yang hidup pada zaman Nabi SAW atau sebelum baginda. Emansipasi wanita boleh diaplikasikan dengan mencontohi kisah wanita tersebut sebagai inspirasi untuk tabah dalam menghadapi ujian, kuat secara intelektual dan spiritual, tinggi kebergantungan kepada Allah, kaya dengan ilmu dan akhlak mulia, serta banyak lagi pengajaran yang boleh dipelajari dengan menghayati kisah-kisah mereka. Terdapat tiga (3) hadis (atau lebih) yang menyebutkan nama wanita yang berbeza dalam kitab ini. Sebagai contoh, al-Marbawi merujuk kepada hadis: “Dan kelebihan Siti Aishah atas sekalian perempuan lain daripada Siti Maryam dan Asiah itu seperti kelebihan roti dicampur kuah enak dimakan daripada sekalian makanan” (Jilid 12: hlm. 226).

Beliau turut menyenaraikan para wanita pada zaman Nabi Muhammad SAW yang memiliki ilmu pengetahuan contohnya Ummu Salamah, seorang wanita yang bijak di Tanah Arab yang sentiasa menjadi pakar rujukan masyarakat Arab khususnya wanita. Selain itu, Safiyah binti Huyay merupakan isteri Nabi SAW yang berketurunan yahudi tetapi menerima Islam serta meriwayatkan hadis. Nama beliau juga disebut dalam hadis yang tersenarai dalam *Baḥr al-Mādhī*. Contoh lain ialah Khadijah binti Khuwailid yang merupakan isteri pertama Rasulullah SAW dan orang yang pertama menyatakan iman dan percaya kepada ajaran Baginda. Keistimewaan Khadijah banyak disebut di dalam hadis-hadis sahih. Menurut Rahim Kamarul Zaman et al. (2020), hadis yang menyentuh keperihalan Khadijah dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* mengandungi sebanyak 21 hadis yang dimuatkan dalam 9 kitab dan 17 bab yang berbeza.

5.5 Rumusan Perbincangan

Melalui empat tema emansipasi wanita yang diperolehi melalui penulisan al-Marbawi bagi hadis-hadis yang berkaitan wanita, kajian ini mendapati bahawa isu emansipasi wanita telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sejak kedatangan Islam yang membawa misi untuk membebaskan wanita dari tradisi Jahiliyyah yang memandang hina terhadap kaum wanita. Sokongan terhadap emansipasi wanita merupakan penolakan terhadap diskriminasi dan penindasan terhadap wanita. Peranan ulama adalah sangat besar bagi membuktikan bahawa Islam adalah agama yang tidak menyekat hak wanita tetapi memuliakan wanita dengan mengiktiraf hak-hak wanita. Malah, Islam tidak membezakan hak kaum lelaki dan wanita (Nur Saadah Khair, 2020).

Rasulullah SAW juga telah membawa satu perubahan besar terhadap status wanita dengan mengangkat martabat dan memperjuangkan hak wanita bukan untuk wanita yang hidup pada zaman baginda sahaja, tetapi perubahan tersebut juga dinikmati oleh wanita pada zaman kini dan akan datang. Ini adalah kerana emansipasi wanita berdasarkan Islam adalah pembebasan wanita dengan memberikan mereka pengetahuan dan pendidikan, kebebasan ekonomi, keselamatan fizikal, cinta, maruah dan kehormatan kerana Islam tidak

menganggap komodifikasi tubuh wanita sebagai pembebasan seperti yang difahami melalui kerangka Barat (Haider, 2020). Emansipasi wanita yang menggunakan pandangan Barat hanyalah menuntut kebebasan tanpa arah tujuan. Malah, ideologi yang didokong oleh golongan feminis dalam mempertahankan hak wanita menumbulkan lebih banyak kekeliruan pemikiran dalam kalangan masyarakat (Khalif Muammar & Adibah, 2019).

6. Kesimpulan

Tidak dinafikan bahawa al-Marbawi merupakan ulama Melayu yang banyak memberi sumbangan keilmuan bagi menghidupkan nilai Islam untuk diamalkan oleh masyarakat Melayu. Usaha beliau menulis *Baḥr al-Mādhī* dalam bahasa Melayu serta mensyarahkan hadis-hadis *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* adalah suatu sumbangan besar yang ditinggalkan agar masyarakat Melayu dapat mengambil manfaat daripada karya hebat ini. Walaupun jumlah hadis berkaitan wanita adalah sedikit berbanding hadis-hadis yang menyentuh isu yang pelbagai, tetapi jika semua hadis-hadis tersebut dianalisis secara terperinci, ia mampu memberi solusi untuk menyelesaikan beberapa masalah yang masih terjadi sehingga kini.

Secara kesimpulannya, wanita diciptakan menjadi khalifah yang berperanan sama seperti kaum lelaki. Perbezaan di antara lelaki dan wanita adalah fitrah dan kedua-duanya saling melengkapi dan memerlukan antara satu sama lain. Kandungan kitab ini mengangkat konsep emansipasi wanita sama ada secara halus mahupun jelas dengan menjadikan Islam, iman, dan ihsan sebagai asas pembangunan insan. Emansipasi wanita tidak boleh digarap hanya sekadar pembebasan daripada cengkaman dan sekatan hak, tetapi pemeliharaan terhadap hak wanita yang telah dibawa melalui kedatangan al-Quran yang diwahyukan ke atas Nabi Muhammad SAW dan hadis-hadis baginda yang memuliakan kedudukan wanita di dalam Islam. Justeru, konsep emansipasi wanita yang sebenar terhasil dengan meletakkan agama sebagai rahmat buat wanita.

7. Penghargaan

Kajian ini merupakan hasil daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang bertajuk: “Membina Pendekatan Baharu dalam Interpretasi Isu-Isu Emansipasi Wanita Berdasarkan Perspektif Ulama Melayu” (FRGS/1/2019/SSI03/USIM/03/4). Penghargaan juga diberikan kepada Universiti Sains Islam Malaysia.

Rujukan

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Faisal Ahmad Shah. (2011). Sumbangan Syekh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi: Tumpuan Kepada Kitab *Baḥr al-Mādhī*. *Jurnal Hadis*, 1(1): 11-34.
- Faisal Ahmad Shah. (2010). Syekh Mohamed Idris al-Marbawi: Kontribusinya dalam Fiqh al-Hadis. *MIQOT: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, 34(1): 53-69.
- Haider, M. Jamal. (2020). *Daughters of Eve: Islam and Female Emancipation*. Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd.
- Heriyanto. (2018). Thematic Analysis sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif. *Anuva: Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan, dan Informasi*, 2(3): 317-324.
- Kamarul Zaman, R., Che Nordin, M. K. N., Nasir, K., & Abd. Azid, M. A. (2020). Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalan Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: The Conduct of Family Psychology: A Comprehensive Review of Khadijah RA in *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. *HADIS*, 10(19), 538-550. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i19.82>
- Khalif Muammar, A. H. & Adibah, M. 2019. Konsep Kesetaraan Gender Menurut Perspektif Islam dan Barat: The Concept of Gender Equality in Islam and the West. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(2), 33–74. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol21no2.2>
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to its Methodology* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris. (1935). *Kamus Idris al-Marbawi*. Cairo: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu.



Published biannually by:
**HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 25 (JUNE 2023)

- Al-Marbawi, Muhammad Idris. (n.d.). *Baḥr al-Mādḥī: Li Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* Jilid 1-11. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2003). The Bahr al-Madhi of Shaykh Muhammad Idris Al-Marbawi: A Preliminary Analysis. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 2(1), 61–80.
- Muhd Norazam Nordin, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Fatimah Nadirah Mohd Noor & Azmi Budin. (2018). Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Dakwah Islamiyyah di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 1(2), 15–26.
- Nur Saadah Hamisan@Khair. (2019). Tradisi Misogini dan Anti-Wanita dalam Hadis: Isu dan Analisis. *Inspirasi ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan*, 77-96. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Nur Saadah Hamisan @ Khair & Nor Aniza Mad Azeri. (2021). A Review on Issues Concerning Women in the Malay Scholars' Writings of the Twentieth Century. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 3(1), 1–8.
- Nur Saadah Khair (2020, November 23). Memahami Konsep Emansipasi Wanita. *Bernamea Online*, akses pada (20 Mac 2021) daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1903091>